Maklumat berkenaan dengan pengajaran dan pembelajaran boleh diperolehi dengan pelbagai kaedah. Salah satu kaedah yang sering digunakan oleh guru untuk memperolehi maklumat tentang pencapaian murid ialah dengan mentadbir ujian. Skor murid akan memberikan maklumat tentang tahap penguasaan murid dalam aspek yang diuji. Murid yang memperolehi skor tinggi menunjukkan murid telah menguasai sebahagian besar aspek yang diuji. Sebaliknya, murid yang mendapat skor rendah membawa maksud bahawa masih banyak aspek yang belum dikuasai oleh murid tersebut.

Walaupun ujian merupakan kaedah yang penting untuk memperolehi maklumat berkaitan pencapaian murid, pembinaan ujian bukanlah satu tugas yang mudah. Pembinaan ujian merupakan sebahagian daripada proses pengukuran. Dalam

proses pengukuran ini, pembinaan ujian perlulah melalui pelbagai proses untuk menjamin kualiti item yang dibina dan memastikan ujian tersebut menunjukkan bukti kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi (Mohamad Sahari, 2002; Schmeiser & Welch, 2006). Semua ini bertujuan untuk memastikan maklumat yang diperolehi benar-benar tepat agar tindakan yang betul dan berkesan dapat diambil untuk manfaat murid yang menduduki ujian tersebut. Jika tidak, ada kemungkinan maklumat dari ujian yang diperolehi tidak tepat menyebabkan tindakan susulan yang diambil melalui program yang dirancang tidak kena pada sasarannya.

Bagi mengurangkan masalah berkaitan dengan pembinaan ujian, ramai pengkaji yang mencadangkan agar bank item dibina bagi membantu guru yang tidak mahir membina ujian yang berkualiti (Umar, 1999; Wright, 1984). Dengan adanya bank item, guru boleh membina ujian yang berkualiti dengan memilih item sedia ada yang telah dibuktikan kualitinya. Selain daripada itu, bank item juga dapat membantu menjimatkan masa guru kerana tidak perlu lagi memikirkan jenis item yang bersesuaian dengan tujuan pengukurannya. Namun begitu, proses pembinaan bank item juga rumit kerana pembina perlulah mahir dengan aspek-aspek penting dalam pengukuran pendidikan.

Dalam pembinaan bank item, satu aspek yang penting untuk dikaji ialah berkenaan dengan cara untuk menggabungkan ujian-ujian yang berbeza untuk menghasilkan satu skala pengukuran seperti di dalam bank item. Walaupun sorotan kajian mencadangkan beberapa kaedah yang boleh digunakan untuk tujuan penggabungan ini, kemajuan dalam teori dan metodologi pengukuran memungkinkan kaedah item rujukan (*anchor items*) dikaji kesesuaiannya. Kaedah item rujukan yang lebih ringkas dan kurang kompleks menjadikan kaedah ini sesuai digunakan oleh guru-guru di sekolah. Justeru itu, tesis ini dihasilkan sebagai usaha untuk menambah

pengetahuan dan kefahaman berkenaan dengan kesesuaian kaedah penggabungan menggunakan item rujukan untuk menggabungkan dua ujian yang berbeza bagi tujuan pembinaan bank item.

1.2 Latar belakang

Pengukuran dan penilaian merupakan dua proses penting dalam pendidikan kerana dapat menghasilkan maklumat untuk kegunaan guru dan juga murid. Menurut Nitko (1996), pengukuran merujuk kepada proses memperuntukkan nombor terhadap konstruk yang diukur. Seseorang guru dikatakan mengukur kebolehan Matematik muridnya apabila guru memberikan markah dalam ujian Matematik yang ditadbir kepada murid tersebut. Salah satu tujuan penting pengukuran ialah untuk membuat penilaian. Penilaian dalam pendidikan merujuk kepada proses untuk menentukan, mendapatkan dan memberikan maklumat yang berguna terhadap pencapaian seseorang murid itu bagi membuat pertimbangan berkenaan tindakan susulan yang hendak diambil (Siti Rahayah, 2008). Sebagai contoh, murid yang mendapat markah 30% mungkin dikategorikan sebagai murid lemah dan guru tersebut mungkin akan meletakkan murid berkenaan dalam kelas pemulihan. Sekiranya pengukuran dijalankan dengan baik, penilaian yang dibuat juga adalah tepat. Seterusnya, guru dan juga pentadbir dapat merangka tindakan susulan yang sesuai dan bertepatan dengan keperluan murid.

Salah satu kaedah pengukuran utama yang digunakan oleh guru ialah melalui pentadbiran ujian. Ujian merujuk kepada alat yang digunakan untuk memperolehi maklumat (Nitko, 1996). Ujian boleh berbentuk formatif seperti kuiz dan tugasan ataupun berbentuk sumatif seperti peperiksaan akhir tahun. Walau bagaimanapun,

untuk tujuan pengukuran dan penilaian pencapaian, ujian bentuk sumatif lebih biasa digunakan kerana dapat memberi maklumat yang lebih komprehensif terhadap pencapaian seseorang murid. Sebagai contoh, maklumat daripada peperiksaan akhir tahun digunakan untuk menentukan kedudukan kelas seseorang murid itu. Maklumat daripada ujian piawai seperti UPSR, PMR, SPM dan STPM mempunyai impak yang lebih tinggi lagi. Keputusan UPSR menjadi kayu ukur utama untuk kemasukan ke sekolah-sekolah terpilih seperti sekolah berasrama penuh, manakala maklumat daripada PMR digunakan untuk menentukan aliran seseorang murid itu di Tingkatan 4, sama ada Sains, Sastera, Teknik dan sebagainya. Keputusan SPM pula digunakan sebagai asas untuk memasuki pusat-pusat pengajian tinggi di samping peluang-peluang lain seperti pemberian biasiswa, dan sebagainya. Pencapaian SPM juga digunakan untuk memasuki institusi-institusi pengajian tinggi bagi peringkat sijil atau diploma. Pencapaian dalam peperiksaan STPM dan setaraf pula akan menjadi kriteria utama dalam pemilihan memasuki universiti-universiti awam ataupun swasta pada peringkat ijazah.

Di dalam bilik darjah, ujian berfungsi sebagai alat untuk mendapatkan maklumat yang bermakna kepada guru dan murid. Menurut Bain (2004), guru yang efektif sentiasa membuat penilaian tentang pengajarannya di samping membuat penambahbaikan berdasarkan penilaian tersebut. Maklumat dari ujian yang ditadbir boleh digunakan sebagai asas untuk membantu guru membuat penilaian. Sebagai contoh, sekiranya keputusan ujian menunjukkan murid masih belum dapat menguasai isi pelajaran yang diajar, guru mungkin perlu memikirkan pendekatan, strategi atau teknik lain yang lebih sesuai dalam pengajarannya. Sebaliknya, jika keputusan ujian menunjukkan pencapaian yang baik, guru boleh mengekalkan pendekatan, strategi atau teknik sedia ada.

Bagi murid pula, maklumat daripada ujian dapat memberikan gambaran berkenaan dengan kekuatan dan kelemahan mereka. Sebagai contoh, sekiranya keputusan ujian matematik menunjukkan skor yang baik, murid boleh memberikan lebih tumpuan kepada mata pelajaran lain yang belum dikuasai. Secara tidak langsung, keputusan ujian dapat membantu murid lebih fokus dalam pembelajarannya dengan cara memaksimumkan kekuatan dan meminimumkan kelemahan. Ujian juga berfungsi sebagai asas untuk murid menguji dan mengubahsuai teknik pembelajaran di samping mempraktikkan pengetahuan, kemahiran dan kebolehan masing-masing. Malah, dalam konteks teori pengajaran moden, ujian yang bersistematik dan berterusan dapat membantu seseorang murid belajar. Justeru, pengajaran dan pengujian perlulah berjalan seiringan (Huba & Freed, 2000).

Oleh kerana ujian menjadi asas kepada pelbagai keputusan dalam pendidikan, maka ujian yang dibina itu perlulah mempunyai kualiti yang tinggi. Hanya ujian yang berkualiti tinggi sahaja yang dapat memberikan maklumat yang tepat dan seterusnya menghasilkan keputusan yang tepat kepada pengguna ujian tersebut. Walau bagaimanapun, di Malaysia, Siti Aloyah dan Siti Rahayah (2001) melaporkan masih ramai guru yang tidak mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk membina ujian yang berkualiti. T Subahan (2003) pula melaporkan tidak banyak ujian yang dibina disertakan dengan bukti kualitinya seperti kebolehpercayaan dan kesahan. Perkara seperti ini sebenarnya terkandung dalam rumusan kajian Richichi (1996). Tiga pemerhatian Richichi (1996) ialah (1) kebanyakan item yang dibina oleh guru tidak dapat mendiskriminasikan antara murid berprestasi tinggi dan berprestasi rendah, (2) kebanyakan item yang dibina berada pada tahap kesukaran

yang rendah, dan (3) kebanyakan item gagal berfungsi sepertimana yang dikehendaki.

Dapatan dari kajian-kajian ini sememangnya tidak menghairankan kerana amalan pembinaan ujian dalam kalangan guru sekolah masih kurang mantap. Sebagai contoh, guru-guru seringkali mengambil item-item dari buku-buku rujukan untuk membina ujian. Ramai juga dalam kalangan guru yang mengambil item-item daripada peperiksaan tahun-tahun lepas untuk digunapakai sekali lagi. Item-item daripada peperiksaan piawai juga menjadi sumber penting untuk guru membina ujian. Tidak ramai guru yang mengikuti prosedur yang betul untuk membina ujian seperti menentukan tujuan ujian, pembinaan jadual spesifikasi, pembinaan item-item ujian berasaskan hasil pembelajaran, penentuan kualiti ujian dan analisis item (Mohamad Sahari, 2002). Selain daripada kekurangan kemahiran dalam aspek-aspek pembinaan ujian, hal ini mungkin disebabkan guru terpaksa berhadapan dengan kekangan masa untuk menghasilkan ujian mengikut prosedur yang dinyatakan di atas.

Salah satu cara untuk mengatasi masalah berkaitan pembinaan ujian yang kompleks ialah melalui pembinaan bank item. Bank item merujuk kepada koleksi item ujian yang disimpan agar mudah dikeluarkan untuk diguna semula (Millman & Judith, 1984). Bank item mengandungi item-item yang telah dibina, ditabdir dan seterusnya dianalisis bagi memastikan hanya item-item yang berkualiti tinggi sahaja yang disimpan dan digunakan semula. Bagi guru, penubuhan bank item dapat memudahkan tugas mereka terutamanya bagi menjimatkan masa. Guru hanya perlu menentukan spesifikasi asas seperti hasil pembelajaran yang ingin diukur untuk dipilih dari item-item sedia ada. Guru tidak lagi perlu mengikut keseluruhan prosedur pembinaan item memandangkan item-item yang disimpan di dalam bank item

telahpun diuji kualitinya daripada segi kesahan dan kebolehppercayaan item. Namun, kelebihan utama bank item ini adalah kerana ia dapat membantu guru-guru yang tidak mahir dan tidak berpengalaman untuk menghasilkan ujian yang berkualiti tinggi (Umar, 1999). Satu perkara yang diperlukan ialah pengetahuan dan kemahiran untuk mengendalikan bank item tersebut.

Pada masa kini, konsep bank item telah dimajukan lagi melalui kemajuan dalam ICT. Salah satu inovasi yang diperkembangkan ialah bank item yang telah ditentukan (*calibrated item bank*). Dalam bank item yang ditentukan, item-item bukan sahaja dikumpulkan berdasarkan tajuk dan hasil pembelajaran, tetapi juga disusun mengikut tahap kesukaran item tersebut. Bank item yang ditentukan dikenali mempunyai pelbagai kelebihan berbanding bank item biasa (Njiru & Romanoski, 2007; Umar, 1999; Wright, 1984). Ini kerana statistik kesukaran bagi setiap item dalam bank tersebut telah diukur menggunakan teori pengukuran moden yang mempunyai banyak kelebihan berbanding teori pengukuran yang lain.

1.3 Pernyataan Masalah

Walaupun bank item dapat membantu guru dalam membina ujian, pembinaan bank item itu sendiri memerlukan prosedur yang rumit dan mempunyai banyak cabarannya. Perkara yang paling penting untuk dipastikan ialah bank item itu mestilah terdiri daripada banyak item yang berkualiti tinggi. Kualiti bermaksud keupayaan item untuk menunjukkan ciri-ciri psikometrik yang baik, terutamanya kebolehppercayaan dan kesahan yang tinggi. Oleh itu, bagi membina bank item, banyak ujian perlu ditadbir dan setiap itemnya perlu dianalisis. Untuk tujuan ini, para pembina bank item perlulah mempunyai kerangka pengukuran yang sesuai untuk digunakan. Kerangka pengukuran tersebut perlulah dapat memberikan panduan

untuk menentukan kualiti item-item ujian yang dibina. Kajian ini menggunakan Model Rasch sebagai kerangka pengukuran berdasarkan kelebihan model tersebut untuk menghasilkan pengukuran yang baik (Bond & Fox, 2001).

Satu ciri pengukuran yang baik yang dihasilkan daripada Model Rasch ialah objektiviti. Ciri pengukuran yang objektif dalam Model Rasch bermaksud pengukuran kebolehan murid boleh dibuat secara tidak bersandar dengan parameter lain seperti kesukaran item ujian. Ini bermaksud, kebolehan murid boleh dianggarkan walaupun murid mengambil ujian yang berbeza. Menurut Umar (1999), ciri ini sangat sesuai digunakan dalam pembinaan bank item. Ciri objektiviti ini membolehkan pengukuran yang lebih tepat berbanding dengan teori pengukuran lain yang tidak bebas dari faktor kebersandaran di antara kebolehan murid dan kesukaran item. Sebagai contoh, ujian yang mengandungi banyak item sukar akan menyebabkan kebolehan murid (diukur melalui skor yang diperolehi) menjadi rendah. Sebaliknya, ujian yang mengandungi banyak item mudah akan memberi maklumat seolah-olah kebanyakan murid telah menguasai topik-topik yang terlibat.

Walaupun ciri objektiviti Model Rasch memberi kelebihan dalam menghasilkan pengukuran yang baik, penggunaan model ini tertakluk kepada andaian-andaian yang ketat. Ciri objektiviti dalam pengukuran Model Rasch hanya boleh digunakan sekiranya andaian-andaian ini dipenuhi. Dua andaian utama Model Rasch ialah pertama, konstruk yang diukur mestilah bersifat unidimensi. Sifat unidimensi ini mengandaikan item-item ujian yang digunakan hanya mengukur satu trait atau konstruk sahaja (Wright & Masters, 1982). Andaian kedua merujuk kepada konsistensi di antara pengukuran yang dijangkakan oleh model tersebut dan pengukuran yang diperhatikan dari data empirikal yang dikutip. Seperti juga bentuk-

bentuk permodelan Matematik yang lain, kualiti pengukuran dari Model Rasch boleh ditentukan dengan memeriksa keserasian di antara jangkaan model dan data empirikal yang dikutip. Data empirikal yang serasi dengan jangkaan Model Rasch menunjukkan pengukuran yang dibuat adalah berkualiti dan sebaliknya. Statistik keserasian (*goodness – of – fit statistics*) yang dijana dari analisis Model Rasch akan menentukan keserasian model-data ini.

Para pengkritik Model Rasch seringkali berpendapat kedua-dua andaian ini merupakan andaian-andaian yang ketat dan sukar untuk dipenuhi. Karasbatos (2000), misalnya, mendakwa bahawa keserasian antara data dan model merupakan perkara yang rumit dan tidak boleh dijelaskan hanya dengan statistik keserasian sahaja. Menurut beliau lagi, penilaian pakar perlu untuk tujuan keserasian data-model ini. Namun begitu, sepertimana yang dijelaskan oleh Wright (1992), andaian-andaian yang ketat inilah yang menyebabkan Model Rasch lebih praktikal. Hal ini disebabkan, bagi menggunakan Model Rasch, para pembina item perlulah menghasilkan item-item yang berkualiti agar pengukuran yang dibuat perlulah benar-benar dapat mengukur konstruk yang ingin diukur dan bukannya konstruk lain yang tidak berkaitan.

Selain daripada isu pengukuran, antara isu penting yang perlu difikirkan juga ialah persoalan tentang bagaimana untuk menghubungkan ujian-ujian yang berbeza untuk dimasukkan ke dalam bank item (Burghoff, 2001). Proses yang dinamakan penggabungan ujian ini penting bagi menghasilkan satu skala pengukuran yang sama hasil dari maklumat dari ujian-ujian yang berbeza. Penggabungan ujian merupakan satu syarat penting bagi pembinaan bank item. Tanpa penggabungan, statistik yang diperolehi daripada ujian yang berbeza juga tidak dapat digabungkan. Justeru itu, statistik yang diperolehi hanya unik untuk ujian tertentu sahaja dan tidak boleh

diperluaskan penggunaannya untuk membina ujian baru. Sebagai contoh, statistik kesukaran item dari Ujian A hanya boleh digunakan untuk menerangkan item-item dari Ujian A sahaja. Begitu juga, statistik yang diperolehi dari Ujian B hanya boleh digunakan untuk Ujian B sahaja. Sebaliknya, sekiranya Ujian A dan Ujian B berjaya digabungkan, statistik item dari Ujian A dan Ujian B boleh digunakan untuk membina Ujian C yang baharu.

Salah satu teknik penggabungan ialah dengan menggunakan pendekatan item rujukan (*common items*). Item rujukan merujuk kepada sekumpulan item yang dikongsi bersama dalam setiap ujian yang dibina (Holland & Dorans, 2006). Item ini berfungsi sebagai asas untuk membuat tentukan semula bagi setiap ujian bagi mendapatkan satu skala yang sama (Keeves & Alagumalai, 1999). Dalam Model Rasch, satu teknik yang boleh digunakan untuk memilih item-item rujukan ialah menggunakan fungsi keterbezaan item (*differential item functioning*, DIF) (Thissen, Reeve, Bjorner & Chang, 2006). Prosedur DIF membolehkan statistik perbezaan parameter ujian dikira berdasarkan kumpulan. Sebagai contoh, DIF jantina dapat memberi maklumat sama ada item rujukan tersebut memberi kelebihan kepada mana-mana kumpulan jantina atau tidak. Maklumat ini penting memandangkan prinsip asas pentadbiran dan pembinaan ujian ialah ujian yang dibina itu perlulah adil kepada kedua-dua kumpulan jantina dan tidak berat sebelah.

Berdasarkan penerangan di atas, adalah perlu untuk mendapatkan bukti empirikal untuk memahami dua masalah dalam pembinaan bank item, iaitu keperluan untuk menggunakan kerangka pengukuran yang lebih baik seperti Model Rasch dan keperluan untuk mengkaji kaedah penggabungan ujian berbeza menggunakan prosedur DIF bagi menghasilkan skala pengukuran yang sama. Walau

bagaimanapun, kajian ini tidak bercadang untuk membina bank item atas kekangan masa dan skop.

1.4 Tujuan dan Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menggabungkan dua set ujian Matematik Tingkatan 2 dalam satu skala Profisiensi Matematik dan mengenalpasti kesesuaian item-item rujukan yang digunakan untuk menghubungkan dua set ujian tersebut menggunakan Kerangka Model Pengukuran Rasch. Secara lebih spesifik, kajian ini cuba meneliti objektif berikut:

- 1.4.1 Menentukan kualiti kedua-dua set ujian Matematik yang dibina menggunakan statistik-statistik item daripada Model Rasch.
- 1.4.2 Menentukan kualiti item ujian Matematik selepas penggabungan menggunakan statistik daripada Model Rasch
- 1.4.3 Menentukan kesesuaian item yang dipilih sebagai item rujukan melalui perbandingan analisis DIF bagi kedua-dua kumpulan jantina lelaki dan perempuan.
- 1.4.4 Menggabungkan dua set ujian Matematik untuk menghasilkan satu skala Profisiensi Matematik.
- 1.4.5 Mendefinisi skala Profisiensi Matematik berdasarkan urutan kesukaran item dari analisis Model Rasch.

1.5 Soalan Kajian

Berdasarkan tujuan dan objektif kajian ini, berikut adalah soalan-soalan untuk kajian ini:

- 1.5.1. Sejauh manakah item daripada kedua-dua set Ujian Matematik A dan Ujian Matematik B menunjukkan ciri-ciri pengukuran yang baik?
 - 1.5.1.1 Sejauh manakah item-item yang dibina serasi dengan jangkaan Model Rasch?
 - 1.5.1.2 Sejauh manakah kedua-dua set ujian yang dibina menunjukkan ciri unidimensi?
 - 1.5.1.3 Sejauh manakah kedua-dua set ujian menunjukkan kebolehpercayaan kesukaran item dan kebolehan murid yang tinggi?
 - 1.5.1.4 Sejauh manakah kedua-dua set ujian menunjukkan keupayaan pengasingan yang baik di antara kesukaran item-item dan di antara kebolehan murid-murid?
 - 1.5.1.5 Sejauh manakah item-item dari kedua-dua ujian menunjukkan bukti kesahan konstruk yang tinggi?
- 1.5.2 Sejauh manakah item daripada penggabungan ujian menunjukkan ciri-ciri pengukuran yang baik?
- 1.5.3 Sejauh manakah item-item rujukan yang dipilih berfungsi untuk menghubungkan ujian-ujian yang berbeza?
 - 1.5.3.1 Sejauh manakah item-item rujukan yang dipilih menunjukkan *DIF contrast* yang signifikan sebelum dan selepas penggabungan kedua-dua ujian?
 - 1.5.3.2 Sejauh manakah item-item rujukan yang dipilih mengukur konstruk yang sama dalam kedua-dua ujian?

1.5.4 Bagaimanakah skala Profisiensi Matematik ditakrifkan berdasarkan urutan item dari skala tentukan Model Pengukuran Rasch ?

1.5.4.1 Apakah item yang sukar dan item yang mudah dalam konstruk Profisiensi Matematik?

1.5.4.2 Apakah hasil pembelajaran dalam konstruk Profisiensi Matematik yang diukur oleh setiap item-item yang sukar dan item-item yang mudah?

1.6 Kepentingan Kajian

Dari segi teori, kajian yang dijalankan ini dapat menyumbang kepada kefahaman yang lebih baik tentang konsep penggabungan ujian menggunakan Model Rasch. Sungguhpun konsep penggabungan ujian telah banyak diperkatakan, namun masih banyak aspek yang perlu dikaji secara empirikal seperti yang dinyatakan dalam objektif kajian di atas. Dari aspek praktikal pula, pengetahuan yang diperolehi daripada kajian ini boleh digunakan untuk penggabungan lebih banyak ujian bagi menghasilkan bank item yang ditentukur yang lebih besar. Bank item ini akan membantu meringankan tugas guru-guru dalam membina ujian Matematik bagi Tingkatan 2. Selain itu, pengetahuan yang diperolehi boleh digunakan bagi menghasilkan bank item sama ada bagi mata pelajaran Matematik untuk tahap yang berlainan (Tingkatan 1, 3, 4 atau 5) ataupun bagi mata pelajaran lain seperti Sejarah, Geografi, dan sebagainya.

Walaupun pada masa ini sistem pantaksiran telah berubah kepada sistem pentaksiran berasaskan sekolah (PBS), pengkaji berpendapat pembinaan bank item masih lagi relevan. Walaupun sistem telah berubah, isi kandungan kurikulum

Matematik masih lagi kekal. Sebagai contoh, hasil pembelajaran yang terkandung dalam isi kandungan kurikulum Matematik perlu dikuasai oleh murid dan dinilai aras pencapaiannya berdasarkan band dalam PBS. Item ujian masih lagi relevan sebagai bukti atau evidens dalam penguasaan band yang berkaitan. Oleh kerana band disusun berdasarkan tahap kesukaran masing-masing, maka item yang ditentukan dapat membantu guru untuk menyenaraikan eviden-eviden bagi menunjukkan tahap penguasaan seseorang murid itu.

1.7 Batasan Kajian

Dalam kajian ini hanya dua ujian Matematik sahaja yang akan digabungkan atas kekangan masa dan kewangan. Justeru, perbandingan analisis DIF mungkin kurang komprehensif. Penggabungan lebih banyak ujian mungkin dapat memerihalkan fungsi item rujukan dengan lebih baik. Ini kerana penggabungan lebih banyak ujian akan meningkatkan keperluan untuk menjalankan lebih banyak analisis DIF dan seterusnya memberikan bukti yang lebih jelas tentang kesesuaian item rujukan tersebut. Selain daripada itu, kajian ini akan hanya menggunakan model satu parameter sahaja iaitu Model Rasch. Analisis menggunakan Model Rasch hanya menumpukan maklumat kepada satu parameter sahaja iaitu kesukaran item bagi menganggarkan kebolehan murid. Justeru itu penganggaran yang dibuat agak terhad kepada ciri-ciri kesukaran item sahaja. Penambahan lebih banyak parameter seperti indeks diskriminasi dan parameter tekaan dalam model tiga parameter mungkin dapat memerihalkan hubungan di antara parameter-parameter ujian dengan parameter kebolehan murid dengan lebih baik.

1.8 Definisi Operasional

Dalam kajian ini, beberapa istilah dan konsep akan digunakan dengan meluas. Bagi membantu memahami kandungan tesis dengan lebih baik. Berikut diuraikan definisi operasional bagi istilah atau konsep yang berkaitan:

1.8.1 Analisis Keserasian

Analisis keserasian merujuk kepada prosedur mendapatkan statistik yang menunjukkan sejauh manakah pengukuran dari data yang dikutip serasi dengan jangkaan Model Rasch. Analisis keserasian penting kerana sekiranya data yang diperolehi tidak serasi dengan jangkaan Model Rasch, maka data yang dikutip mungkin mengukur konstruk lain dan bukannya konstruk yang ingin diukur, iaitu profisiensi Matematik. Dalam kajian ini, dua statistik keserasian yang digunakan ialah *infit* dan *outfit* min kuasadua (MNSQ). *Infit* MNSQ merupakan statistik yang lebih sensitif terhadap corak respons murid yang mempunyai kebolehan yang sama dengan kesukaran item. *Outfit* MNSQ pula lebih sensitif terhadap respons murid yang jauh dari kesukaran item. Kedua-dua *infit* dan *outfit* MNSQ diperolehi dari analisis menggunakan perisian WINSTEPS 3.69. Dalam kajian ini, julat nilai *infit* dan *outfit* MNSQ di antara 0.7 dan 1.3 bagi setiap item menunjukkan pengukuran item tersebut serasi dengan jangkaan daripada Model Rasch.

1.8.2 Item Rujukan

Dalam kajian ini, item rujukan merujuk kepada item sama yang dikongsi oleh kedua-dua set ujian. Item-item rujukan bertindak sebagai asas untuk menghubungkan kedua-dua set ujian menggunakan reka bentuk penggabungan tertentu. Kajian ini

menggunakan 10 item rujukan dari lapan tajuk yang berbeza, iaitu set Ujian Matematik A yang mengandungi 10 item rujukan dan 30 item yang unik untuk set Ujian Matematik A sahaja, manakala Ujian Matematik B mengandungi 10 item rujukan yang sama dengan Ujian Matematik A disamping 30 item lain yang unik bagi Ujian Matematik B sahaja. Secara keseluruhannya, kajian ini menentukur 70 item dari kedua-dua set ujian di atas satu skala pengukuran baru yang dinamakan skala Profisiensi Matematik.

1.8.3 Kesukaran Item

Parameter kesukaran item dalam kajian ini merujuk kepada nisbah murid yang menjawab betul kepada murid yang gagal menjawab betul satu-satu item. Nisbah ini dinyatakan dalam logaritma asli atau \ln bagi disesuaikan dengan model kebarangkalian (*probabalistic model*) yang digunakan dalam pengaturcaraan Model Rasch. Kesukaran item i , δ_i yang dijawab oleh 20 orang calon daripada keseluruhan 100 orang calon diberikan seperti di sebelah:

$$\delta_i = -\ln \frac{20}{80} = -\ln 0.25 = -(-1.39) = +1.39$$

1.8.4 Keterbezaan Fungsi Item (DIF)

Item-item yang menunjukkan DIF merupakan item yang berfungsi secara berbeza bagi kumpulan-kumpulan rujukan yang berbeza. Secara lebih spesifik, dalam konteks kajian ini, prosedur DIF merujuk kepada prosedur untuk mengenalpasti item-item yang tidak menunjukkan fungsi yang sama walaupun ditadbir kepada calon-calon yang mempunyai kebolehan yang sama. Item-item yang menunjukkan DIF

memberikan nilai *DIF contrast* yang besar dalam analisis WINSTEPS 3.69. Item-item yang menunjukkan statistik *DIF contrast* yang melebihi 0.5 *logits* dianggap menunjukkan DIF.

1.8.5 Penggabungan Item

Penggabungan item merujuk kepada prosedur menggabungkan dua ujian matematik yang berbeza di atas satu skala pengukuran yang sama. Penggabungan ini akan menggunakan reka bentuk penggabungan item rujukan (*common item linking*). Dalam kajian ini, penggabungan kedua-dua ujian akan dibuat secara serentak menggunakan fail kawalan (*control file*) dalam WINSTEPS 3.69.

1.8.6 Profisiensi Matematik

Dalam kajian ini, konstruk Profisiensi Matematik dioperasikan melalui urutan kedudukan kesukaran item di dalam skala pengukuran yang menggabungkan kedua-dua ujian. Kandungan item yang sukar berada pada bahagian atas skala pengukuran digunakan sebagai asas untuk mengenalpasti pengetahuan, kemahiran dan nilai yang sepadan dengan murid yang mempunyai profisiensi Matematik yang tinggi. Sebaliknya, kandungan item mudah yang terletak pada bahagian bawah skala boleh dikaitkan dengan hasil pembelajaran peringkat rendah dalam konstruk Profisiensi Matematik.

1.8.7 Tentukuran

Tentukuran merujuk kepada proses penukaran skor mentah kepada skor selang. Kajian ini menggunakan perisian WINSTEPS 3.69 untuk menentukur kedua-dua parameter kebolehan calon dan kesukaran item. Seterusnya, kedua-dua parameter yang dianggarkan dari tentukuran ini akan diletakkan pada skala pengukuran yang sama iaitu skala profisiensi Matematik.

1.8.8 Unidimensi

Unidimensi merujuk kepada pengukuran hanya satu trait psikologi, iaitu profisiensi Matematik, bagi ujian Matematik yang dibina. Sekiranya terdapat trait lain yang turut diukur dalam ujian tersebut, maka andaian unidimensi ini tidak dipenuhi. Prosedur *Principal Component Analysis of Residuals* dari WINSTEPS 3.69 digunakan untuk menentukan sama ada andaian ini ditepati atau tidak. Sekiranya faktor yang diekstrak berdasarkan prosedur ini mempunyai kekuatan kurang daripada lima item maka andaian unidimensi bagi konstruk Profisiensi Matematik yang diukur akan dipenuhi.

1.9 Rumusan Bab

Bab ini membicarakan tentang kepentingan pengukuran dan pengujian dalam pendidikan. Bab ini juga memberi penekanan kepada pernyataan masalah yang timbul dalam kajian yang dijalankan. Tujuan dan Objektif kajian serta soalan-soalan kajian yang menjadi panduan kepada kajian juga dinyatakan di dalam bab ini. Kepentingan kajian dan batasan kajian juga dinyatakan untuk menjawab persoalan-persoalan yang mungkin timbul dalam kajian yang dijalankan. Bab ini juga menjelaskan tentang definisi bagi istilah-istilah yang digunakan secara terperinci dalam kajian yang dijalankan.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pendahuluan

Bab ini membicarakan sorotan kajian tentang teori-teori pengukuran yang berkaitan. Perbincangan ditumpukan kepada Model Rasch kerana model ini menunjukkan pelbagai kelebihan berbanding model-model lain. Statistik-statistik yang terlibat dan andaian-andaian dalam Model Rasch juga akan dibincangkan. Selain itu, bab ini turut menjelaskan berkenaan dengan konsep penggabungan ujian.

2.2 Teori Pengukuran

Teori pengukuran merujuk kepada kajian tentang masalah berkaitan pengukuran dan prosedur-prosedur untuk mengatasi masalah-masalah tersebut. Teori pengukuran mengaitkan trait-trait yang dapat dilihat seperti skor ujian dengan trait-trait yang tidak dapat dilihat seperti kebolehan murid. Perhubungan ini dijelaskan dengan menggunakan model Matematik (Crocker & Algina, 1986). Dua teori pengukuran yang utama ialah Teori Ujian Klasik dan Teori Respons Item.

2.2.1 Teori Ujian Klasik

Teori Ujian Klasik (CTT) mengaitkan skor ujian (skor yang dapat dilihat) dengan skor benar (*true score*) yang tidak dapat dilihat dengan menggunakan persamaan Matematik mudah seperti berikut:

$$X = T + E \quad , E = \text{ralat dalam pengukuran (1)}$$

Oleh kerana kedua-dua skor benar (T) dan ralat pengukuran (E) merupakan pembolehubah-pembolehubah yang tidak diketahui (anu), maka andaian-andaian perlu dibuat untuk menyelesaikan persamaan (1) di atas. Perbincangan tentang andaian-andaian, statistik dan model-model berkaitan dengan CTT boleh dirujuk dalam Crocker dan Algina (1986). Secara ringkas, CTT merujuk kepada skor mentah ujian yang diperolehi dengan menambah skor bagi setiap item yang dijawab betul. Statistik berkaitan skor keseluruhan ujian ini termasuklah min, sisihan piawai dan juga pekali kebolehppercayaan. Walau bagaimanapun, beberapa konsep statistik berkaitan item seperti indeks kesukaran (*p*) dan indeks diskriminasi (D) juga telah dibangunkan bagi membantu memerihalkan statistik keseluruhan ujian dengan lebih baik.

Statistik-statistik berasaskan CTT ini telah dibuktikan dapat membantu dalam proses pembinaan ujian (Hambleton & Jones, 1993). Dalam aspek praktikal, CTT mempunyai beberapa kelebihan, terutama sekali kerana: (1) hanya saiz sampel yang kecil diperlukan untuk analisis, dan (2) pengiraan statistik-statistik adalah mudah dan boleh dilakukan secara langsung tanpa bantuan perisian komputer. Walau bagaimanapun, CTT juga mempunyai kelemahan yang ketara terutamanya kerana statistik yang dikira bergantung kepada sampel yang diperolehi. Justeru, statistik ujian yang diperolehi tidak boleh dibandingkan secara terus dengan statistik dari

ujian lain yang berbeza. Sebagai contoh, bagi satu-satu item, indeks kesukaran yang tinggi (item mudah) akan diperolehi dari sampel berkebolehan tinggi manakala indeks kesukaran yang rendah (item sukar) akan diperolehi dari sampel berkebolehan rendah.

2.2.2 Teori Respons Item

Teori Respons Item (IRT) pula mengaitkan respons bagi item-item ujian (skor yang dapat dilihat) dan kebolehan murid (skor yang tidak dapat dilihat) menggunakan model Matematik. Tiga model IRT telah dibangunkan iaitu model satu parameter atau Model Rasch, model dua parameter dan model tiga parameter. Dalam Model Rasch, hanya satu parameter sahaja yang digunakan untuk menganggar kebolehan calon, iaitu kesukaran item. Bagi model dua parameter, penganggaran kebolehan murid bergantung kepada dua parameter iaitu kesukaran item dan juga diskriminasi item. Kedua-dua parameter ini bersama-sama dengan parameter tambahan, iaitu parameter tekaan digunakan untuk menganggar kebolehan murid sekiranya menggunakan model tiga parameter. Menurut Downing (2003), model dua dan tiga parameter banyak digunakan dalam pengukuran berskala besar.

Walau bagaimanapun, semakin banyak parameter yang terlibat dalam model yang digunakan, semakin kompleks penganggaran kebolehan murid dan interpretasi analisis yang dijalankan. Untuk itu, semakin besar jugalah saiz sampel yang diperlukan. Atas faktor ini, Model Rasch mempunyai kelebihan untuk digunakan dalam kajian kerana hanya memerlukan saiz sampel yang kecil. Downing (2003) menganggarkan saiz sampel sebanyak 250 murid sudah mencukupi untuk menggunakan Model Rasch.

2.3 Model Rasch

Bahagian ini akan menumpukan perbincangan berkaitan dengan ciri-ciri Model Rasch. Aspek yang dibincangkan ialah prinsip asas yang mendasari pengukuran Model Rasch dan juga kelebihan Model Rasch berbanding teori dan model pengukuran yang lain. Di samping itu, statistik-statistik penting dalam analisis Model Rasch turut disentuh.

2.3.1 Prinsip Asas Model Rasch

Secara umumnya, Model Rasch memberi panduan untuk memahami hubungan di antara dua parameter yang penting dalam teori pengukuran iaitu kesukaran item dan kebolehan murid. Model Rasch menukarkan skor item-item ujian kepada skor ukuran (*measure score*) dan meletakkan kedua-dua parameter kesukaran item dan kebolehan murid di atas satu skala pengukuran yang sama melalui proses yang dinamakan tentukuran. Dalam tentukuran, penganggaran parameter kesukaran item dan kebolehan murid ini dibuat menggunakan logaritma asli atau \ln dalam unit *logits*. Parameter kebolehan murid, β_n , merujuk kepada nisbah bilangan item yang dijawab betul oleh seorang murid n kepada bilangan item yang gagal dijawab betul. Sebagai contoh, bagi seorang murid berkebolehan tinggi, A, yang berjaya menjawab betul 20 item daripada 30 item ujian, maka kebolehan murid, β_A , diberi sebagai $\ln \frac{20}{10} = \ln 2 = +0.69$ logits. Sebaliknya, bagi seorang murid yang mempunyai kebolehan rendah, B, yang hanya dapat menjawab betul 14 item ujian yang sama, maka β_B diberi sebagai $\ln \frac{14}{16} = \ln 0.875 = -0.13$ logits. Murid A akan diletak dalam kedudukan yang lebih tinggi dalam skala ukuran berbanding murid B.

Kesukaran item i , δ_i , pula dikira sebagai nisbah murid yang gagal menjawab betul item i berbanding murid yang berjaya menjawab betul. Bagi item sukar, X, yang hanya mampu dijawab betul oleh 56 orang murid daripada keseluruhan 180 orang murid, δ_X , diberi sebagai $\ln \frac{(180-56)}{56} = \ln 2.214 = +0.79 \text{ logits}$. Bagi item Y yang berjaya dijawab oleh 120 orang murid, δ_Y diberi sebagai $\ln \frac{(180-120)}{120} = \ln 0.5 = -0.69 \text{ logits}$. Item X akan diletakkan pada kedudukan yang lebih tinggi berbanding item Y dalam skala ukuran yang dibina berdasarkan tentukan tersebut. Satu kelebihan utama dalam tentukan menggunakan Model Rasch ialah, oleh kerana kedua-dua parameter kebolehan murid dan kesukaran item ini diletakkan pada skala selang, maka kedua-dua skala ukuran yang dibina boleh disatukan. Dalam kata lain, kedua-dua parameter kebolehan murid dan kesukaran item boleh diletakkan pada skala ukuran yang sama. Ini akan membolehkan perbandingan langsung dibuat di antara kedua-dua parameter terbabit.

Wright dan Stone (1979) memberikan penerangan yang mendalam bagi menjelaskan hubungan di antara kedua-dua parameter kesukaran item dan kebolehan murid ini melalui permodelan Matematik. Salah satu teknik yang biasa digunakan dalam permodelan ialah menggunakan kebarangkalian. Bagi menerangkan kebarangkalian seseorang murid n berjaya menjawab betul satu-satu item i , maka perbezaan di antara kebolehan murid dan kesukaran item perlu diambilkira. Oleh kerana perbezaan ini ($\beta_n - \delta_i$) terletak dalam julat $-\infty$ hingga $+\infty$, maka beberapa transformasi perlu buat. Pertama, mengambil perbezaan ini dalam sebutan pekali asli, \exp atau e , ($e = 2.71828$) akan membolehkan sebutan $\exp(\beta_n - \delta_i)$ berada pada julat 0 and $+\infty$. Langkah kedua, mengambil nisbah $\frac{\exp(\beta_n - \delta_i)}{[1 + \exp(\beta_n - \delta_i)]}$ akan menjadikannya